

# BMF berjaya turunkan harga barang

Oleh **NUR IZZATI IZZAH NADZI**  
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 11 SEPT.**

**S**EJAK kempen utamakan produk orang Islam atau 'Buy Muslim First' (#BMF) dilancarkan, harga barangan dikesan turun dengan men-

dadak, sekali gus memberi manfaat kepada semua pengguna termasuk bukan bumiputera.

Ketua Aktivitis Persatuan

Pengguna Islam Malaysia (PPIM), **Datuk Nadzim Johan** berkata, wujud 'puak' atau syarikat yang berpuluh-puluh tahun mengambil kesempatan dengan meletakkan margin keuntungan berlipat kali ganda daripada kos pengeluaran.

Jelasnya, se-bagai contoh bagaimana satu jenama minyak masak terkenal boleh menu-runkan harga sehingga RM10 bagi minyak lima kilogram wal-hal harga asal adalah sekitar RM20 hingga RM24.

"Tidak mung-kin mereka sanggup me-nanggung keru-gian hanya se-mata untuk memastikan produk mereka tidak terjejas dengan menu-runkan harga seban-yak itu. Ini bermakna mereka telah mengam-bil margin yang cukup besar iaitu RM10.

"Harga barangan sepatutnya lebih mu-rah, namun kita se-bagai pengguna telah ditipu sejak dahulu lagi terutama pada musim perayaan apabila harga bahan mentah dan ba-rangan dapur dinaik-kan sehingga melebihi dua kali ganda," katan-

ya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Tambah Nadzim, kempen yang dilakukan itu juga menu-pakan petunjuk bahawa ada antara penjuak yang mengam-bil kesempatan dan kempen ini dilihat berkesan untuk 'memaksa' mereka menurunkan harga barang.

Jelasnya, Kement-erian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggu-na (KPDNKK) perlu mengambil tinda-kan tegas terhadap peniaga terbabit su-paya pemipuan se-perti itu tidak beru-lang.

Katanya, syari-kat yang menjadi 'penipu' harus diked-dakan mengambil keuntungan berle-bih ini tidak men-jadi budaya dalam kalangan peniaga.

"Saya menyeru kepada kempen ini dan sokong produk keluaran orang Islam yang membayar zakat agar timbul kesedaran lebih tinggi ter-hadap pengguna supaya tidak tertipu lagi dengan harga ba-rang naik," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), **Mohd. Yusof Abdul Rahman** berkata, syarikat produk keluaran bukan bumi-putera terpaksa menurunkan harga untuk menyaingi produk muslim kerana mereka tidak mahu mengalami kerugian.



**NADZIM JOHAN**



**MOHD. YUSOF**